

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 21.5.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Ismail bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji syarat Kelayakan Profesional Keperguruan atau National Profesional Qualifications Education Leadership (NPQEL) bagi lantikan Pengetua dan Guru Besar diberi kelonggaran kepada Penolong Kanan 1 yang telah layak untuk dilantik dahulu sebagai Pengetua Guru Besar kemudiannya akan mengikuti kursus tersebut. Semua calon yang layak perlu melalui tapisan terlebih dahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat baharu pemilihan Pengetua dan Guru Besar yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bil.6/2013 pada 08 Oktober 2014 terpakai untuk pengisian jawatan Pengetua dan Guru Besar di semua jenis sekolah di seluruh negara. Di samping itu, calon-calon yang telah memenuhi syarat-syarat ditetapkan hendaklah lulus pentaksiran oleh Ketua Jabatan. Menteri Pendidikan dalam *Delivery Task Force* Bil. 3/2013 pada pada 19 September 2013 telah memutuskan syarat baharu pemilihan calon Pengetua dan Guru Besar dilaksanakan mulai bulan Julai 2014.

Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) dalam Mesyuarat LKPPP Bil. 6 Tahun 2013 yang bersidang pada 8 Oktober 2013 telah meluluskan syarat-syarat baharu pemilihan Pengetua Guru Besar. Syarat-syarat umum dan khusus tersebut masih berkuat kuasa untuk pemilihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi mengisi kekosongan jawatan Pengetua dan Guru Besar.

Usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Institut Aminuddin Baki (IAB) bagi menjadikan modul *National Profesional Qualifications Education Leadership* (NPQEL) lebih fleksibel dan mudah untuk diikuti oleh peserta. Antaranya adalah dengan memperkenalkan Program NPQEL Mod Baru yang hanya dilaksanakan dalam tempoh lima (5) bulan dan menggunakan kaedah bersemuka (*face to face*) dan juga *e-learning*. Ini membolehkan peserta menjalani kursus ini tanpa perlu memohon cuti belajar dan melepaskan jawatan hakiki yang disandang.

Usaha juga telah dilakukan untuk menambah bilanganambilan pada setiap tahun. Mulai tahun 2015 seramai 1,407 akan dilatih berbanding unjuran awal seramai 1,000 orang. Ini termasuk pengambilan melalui Mod Khas seramai 344 orang, iaitu mereka ini dicalonkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri/ Bahagian masing-masing. Pada tahun 2016 pula adalah dijangkakan seramai 1,740 orang akan ditawarkan untuk menghadiri kursus NPQEL ini. Bilangan calon yang semakin ramai dipanggil berkursus ini diharap akan dapat memberi ruang yang lebih luas dalam kalangan Guru Penolong Kanan 1 untuk mengikuti kursus ini.